

Bil. S 46

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AKTA MAJLIS MESYUARAT NEGARA
DAN MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI (SARAAN DAN
KEISTIMEWAAN) (PINDAAN), 2005**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 134.
 3. Penggantian bab 3.
 4. Pindaan bab 4.
 5. Pindaan bab 5.
 6. Pindaan bab 6.
 7. Pindaan Jadual.
 8. Pindaan Akta.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AKTA MAJLIS MESYUARAT NEGARA
DAN MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI (SARAAN DAN
KEISTIMEWAAN) (PINDAAN), 2005**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri (Saraan dan Keistimewaan) (Pindaan), 2005.

Pindaan bab 2 dari Penggal 134.

2. Bab 2 dari Akta Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri (Saraan dan Keistimewaan), dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1) —

- (i) dengan memotong takrifan "Ahli" dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

"Ahli" bermakna seseorang yang dilantik atau dipilih, mengikut mana yang berkenaan, dalam Majlis Mesyuarat Negara menurut atau di bawah Perlembagaan atau seorang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, dan termasuk Yang Di-Pertuan;"

- (ii) dalam takrifan "tugas yang ditetapkan", dengan memotong "dalam Majlis Mesyuarat" dari baris terakhir;

(b) dalam ceraian (2) —

- (i) dengan memotong "doubts" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "doubt";
- (ii) dengan memotong "dalam Majlis Mesyuarat" dari baris kedua yang terakhir dan menggantikannya dengan "Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan".

Penggantian bab 3.

3. Bab 3 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Saraan.

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah membuat peruntukan bagi saraan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri".

Pindaan bab 4.

4. Bab 4 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong "(1)" dari baris pertama;

(b) dengan memansuhkan cerai (2).

Pindaan bab 5.

5. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong "diperuntukkan oleh Majlis Mesyuarat Negeri dan dibayar daripada" dari baris kedua dan ketiga dan menggantikannya dengan "suatu pengenaaan bayaran ke atas".

Pindaan bab 6.

6. Bab 6 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong "dalam Majlis Mesyuarat" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan".

Pindaan Jadual.

7. Jadual kepada Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memotong "Yang Dilantik dan Dipilih" dari tajuk;

(b) dalam perenggan 4, dengan memotong "fullstop" yang tertera kali kedua dalam tajuk;

(c) dalam perenggan 6, dengan memotong "sebanyak \$150 sehari atau jumlah tersebut sehari sebagaimana boleh dari masa ke semasa ditetapkan oleh Surat Keliling Kerajaan" dari baris ketiga dan keempat dan menggantikannya dengan "yang diberitahu dalam *Warta Kerajaan*";

(d) dalam perenggan 10, dengan memotong "Pengawal" dari baris ketiga dan menggantikannya dengan "Pengaroh";

(e) dengan memotong perenggan 11, dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

"11. Elaun sara hidup:

Yang Di-Pertua, Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri adalah berhak mendapat elaun sara hidup pada kadar-kadar yang sama dan tertakluk kepada syarat-syarat yang sama dengan seorang pegawai Bahagian I dalam perkhidmatan awam.

Seseorang Ahli, selain daripada Yang Di-Pertua, Menteri atau Timbalan Menteri, boleh dibayar suatu elaun sara hidup pada kadar yang diberitahu dalam *Warta Kerajaan*."

Pindaan Akta.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memotong "Penolong" dari dan menggantikannya dengan "Timbalan" dalam gelaran panjang.

Diperbuat pada hari ini 24 haribulan Rabiulakhir, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 2 haribulan Jun, 2005 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM